

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI  
(KLUANG)**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN NO. 134**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pengguna pas MY100, MY50 serta Pas Mutiara, dan laporan pola perjalanan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

**Penjualan dan Penggunaan Pas MY 100 dan MY 50**

1. Jumlah penjualan pas MY100 dan MY50 bermula dari hari pelancaran pada bulan Disember 2018 sehingga Oktober 2019 ialah sebanyak 977,124 untuk MY100 dan 27,784 untuk MY50. Berikut adalah senarai jumlah penjualan bulanan MY100 dan MY50:

Bulan	My50 (Jumlah Penjualan)	My100 (Jumlah Penjualan)
Dis-18	847	34,450
Jan-19	1,788	63,562
Feb-19	1,809	74,773
Mar-19	2,648	93,086
Apr-19	3,008	98,949
Mei-19	3,060	93,789
Jun-19	2,807	94,679
Jul-19	3,133	110,444
Ogos-19	2,871	98,859
Sept-19	2,845	103,497
Okt-19	2,968	111,036
JUMLAH	<u>27,784</u>	<u>977,124</u>

2. Berikut pula adalah jumlah penggunaan MY100 untuk pengangkutan rel:

Bulan	Penggunaan MY100
Jan-19	4,126,703
Feb-19	3,454,394
Mar-19	5,228,464
Apr-19	5,601,820
Mei-19	5,254,045
Jun-19	4,416,827
Jul-19	6,137,490
Ogos-19	5,832,741
Sept-19	5,161,656
Okt-19	6,423,557

3. Data di atas menunjukkan kenaikan penggunaan pas MY100 untuk pengangkutan rel dari 3.5 juta pada bulan Februari 2019 kepada jumlah tertinggi sebanyak 6.4 juta pada bulan Oktober 2019 iaitu kenaikan penggunaan sebanyak 85% dalam tempoh masa sepuluh bulan. Ini bermakna, lebih ramai rakyat telah bertukar kepada penggunaan MY100 yang sememangnya memberi lebih banyak penjimatan dalam kos pengangkutan harian mereka.

4. Berikut pula adalah jumlah penggunaan MY100 untuk pengangkutan bas:

Bulan	Penggunaan MY100
Jan-19	506,194
Feb-19	441,923
Mar-19	634,719
Apr-19	704,989
Mei-19	674,101
Jun-19	574,051
Jul-19	801,481
Ogos-19	702,301
Sept-19	671,778
Okt-19	842,808

5. Data di atas menunjukkan kenaikan penggunaan pas MY100 untuk pengangkutan bas dari 506,194 kepada 842,808 iaitu kenaikan penggunaan sebanyak 66% dalam tempoh masa sepuluh bulan.
6. Berikut pula adalah jumlah penggunaan MY50 untuk pengangkutan bas:

Bulan	Penggunaan MY50
Jan-19	102,520
Feb-19	85,887
Mar-19	121,773
Apr-19	156,847
Mei-19	165,848
Jun-19	133,089
Jul-19	171,447
Ogos-19	150,382
Sept-19	150,193
Okt-19	170,333

7. Data di atas menunjukkan kenaikan penggunaan pas MY50 untuk pengangkutan bas dari 102,520 kepada 170,333 iaitu kenaikan penggunaan sebanyak 66% juga dalam tempoh masa sepuluh bulan.

### **Penjualan Pas Mutiara**

8. Pas Mutiara ini telah dilancarkan pada 23 Ogos 2019 oleh YB Menteri Pengangkutan. Pas Mutiara membolehkan pengguna menggunakan perkhidmatan bas Rapid Penang dan Feri Pulau Pinang bagi perjalanan tanpa had untuk tempoh 30 hari dengan hanya RM50. Pas Mutiara ini dikendalikan oleh Rapid Bus Sdn Bhd dan Rapid Ferry Sdn Bhd.

9. Sebanyak 9,209 pas Mutiara telah dijual bermula pada 20 Ogos 2019 sehingga 30 November 2019. Pas ini boleh mula digunakan pada 1 September 2019. Berikut merupakan butiran data penjualan:

<b>Bulan</b>	<b>Pas Mutiara (Jumlah Penjualan)</b>
Ogos-19	2,113
Sept-19	2,003
Okt-19	2,577
Nov-19	2,516
JUMLAH	<b><u>9,209</u></b>

Sekian, terima kasih.